

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1991**

---

### **PUNGUTAN BAYARAN ‘ROYALTY’ BAGI PEMINDAHAN BAHAN BATU BATAN**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pentadbir Tanah Jajahan tentang pungutan bayaran ‘Royalty’ bagi pemindahan bahan batu batan (iaitu batu kuari, pasir, tanah dan sebagainya).

2. Adalah diperhatikan bahawa pungutan bayaran ‘Royalty’ bagi semua Jajahan di seluruh negeri sangat berkurangan jika dibandingkan pada masa lalu. Pihak Berkuasa Negeri memandang berat di atas perkara tersebut. Ianya tidak sepatut berlaku sedemikian kerana pemindahan bahan batu batan bergerak lebih aktif daripada masa lalu. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila diperhatikan pergerakan lori-lori berisi batu-batu kuari, tanah dan pasir di jalan-jalan raya di seluruh Negeri Kelantan. Sungguhoun projek-projek pembangunan tidak berjalan dengan begitu rancak namun begitu pemindahan bahan batu batan bergerak seperti biasa bahkan di setengah-setengah tempat itu lebih daripada masa lalu.
  
3. Kemerosotan pungutan bayaran ‘Royalty’ bagi seluruh negeri adalah disebabkan beberapa fakta seperti berikut:-
  - 3.1 Pejabat-Pejabat Tanah tidak begitu menitikberatkan kerja-kerja penguatkuasaan.
  - 3.2 Permit di atas Borang 4C dikeluarkan tanpa dibuat soal siasat yang teliti.
  - 3.3 Permohonan pindah bahan batu batan diluluskan tanpa dibuat siasatan di atas tempat pemindahan, jumlah yang hendak dipindah dan untuk kegunaan apa.
  - 3.4 Doket-doket disalahgunakan oleh pengusaha-pengusaha dengan beberapa cara yang tertentu.

4. Pentadbir Tanah Jajahan adalah dengan ini dinasihatkan supaya mengambil langkah yang sewajarnya agar bayaran ‘Royalty’ dapat dipungut dengan sepenuhnya. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh semua Pentadbir Tanah Jajahan adalah sebagaimana berikut :-

- 4.1 Pastikan dua (2) orang Pegawai Petempatan menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan pada tiap-tiap hari (termasuk hari Jumaat dan hari-hari kelepasan lain).
  - 4.2 Permohonan untuk memindah hendaklah dihalusi dengan teliti dan cermat. Pegawai Petempatan hendaklah diarah membuat siasatan dan menyediakan laporan sebelum permohonan itu diluluskan. Keputusan hendaklah diberi dalam jangka masa satu minggu dari tarikh penerimaan permohonan.
  - 4.3 Tempoh permit di atas Borang 4C biarlah munasabah dengan jumlah yang hendak dipindah. Bilangan doket yang dikeluarkan hendaklah mengikut jumlah pemindahan yang telah ditetapkan.
  - 4.4 Mana-mana pihak yang menjalankan kegiatan pemindahan bahan batu batan tanpa kebenaran yang sah hendaklah diambil tindakan undang-undang seperti yang termaktib dalam Kanun Tanah Negara 1965.
5. Sayugia diingatkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri dan Pengarah Tanah dan Galian sahaja yang berkuatkuasa meluluskan pengecualian bayaran ‘Royalty’. Permohonan untuk mendapat pengecualian bayaran ‘Royalty’ dari mana-mana pihak hendaklah diangkat untuk mendapat pertimbangan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.
6. Dengan ini adalah diharapkan semua pihak yang terbabit dapat memberi kerjasama bagi menjayakan tujuan ini agar dapat menambah hasil pendapatan Kerajaan Negeri.
7. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling P.T.G. KN.Bil.2/89.

**t.t**  
**(Haji Ashaari Azmi bin Haji Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
KOTA BHARU.**

**BERTARIKH : 7HB. DISEMBER, 1991**

**KEPADA :**

Y.A.Brs. Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang, Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan.
7. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL: P.T.G.KN. 1/2/11/(25)**